

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 akan dipinda sebagai usaha Kerajaan untuk menambah baik prinsip ketelusan dan keterbukaan seperti mana yang dijanjikan dalam Buku Harapan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang menyemak semula Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Saksi 2009 sebagai usaha untuk menambah baik prinsip ketelusan dan keterbukaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tumpat, pada masa ini, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menyemak **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**. Jawatankuasa ini masih dalam peringkat mengumpulkan input-input yang diperlukan serta menjalankan kajian dasar bagi menambah baik akta tersebut. Jawatankuasa ini juga akan mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan akan turut bekerjasama dengan pakar-pakar dari *United Nations Office On Drugs and Crime (UNODC)*.

## NO. SOALAN: 8

Jawatankuasa ini dijangka akan melengkapkan proses semakan dan kajiannya pada akhir tahun 2019.

2. Kerajaan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pula bersama-sama dengan beberapa Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan sedang menyemak dan mengkaji pindaan-pindaan yang diperlukan dalam **Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]** dalam usaha untuk memperkemaskan peruntukan-peruntukan sedia ada bagi membendung insiden ketirisan maklumat khususnya dalam persekitaran ICT dan ancaman masa kini. Pindaan Akta 88 ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020 setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

3. Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) mengambil perhatian akan prinsip ketelusan dan keterbukaan sepertimana yg dijanjikan dalam Buku Harapan. Jika dilihat konteks keterbukaan dan ketelusan yang dijanjikan adalah dari aspek perbelanjaan Kerajaan dan kebebasan media. Walau bagaimanapun, pindaan yang perlu dibuat ke atas **Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696)** adalah sehingga tidak menjejaskan objektif dan fungsi Program Perlindungan Saksi. Kerahsiaan yang digariskan adalah bagi maksud keselamatan saksi itu sendiri dan kaum keluarga yang mungkin terjejas sekiranya skop keterbukaan dan ketelusan diluaskan kepada saksi. Saksi perlu dilihat sebagai aset penting yang perlu dilindungi segenap aspek dan sebarang ketirisan mampu menjejaskan Program Perlindungan Saksi.

Sekian, terima kasih.